



Headline: Kaut duit RM3.2 juta  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 5 September 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 14

Kes tipu di Kelantan makin meningkat

# Kaut duit RM3.2 juta

Oleh ROSLIZA MOHAMED

**KOTA BHARU** – Individu yang menjadi mangsa *Macau Scam* di negeri ini semakin membimbangkan apabila jumlah kerugian yang dicatatkan setakat Julai lalu sebanyak RM3.2 juta berbanding RM2.6 juta pada tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Superintendan Ahmad Azizul Mohamed berkata, sebanyak 86 kes dilaporkan setakat ini melibatkan 44 wanita dan 42 lelaki berusia dalam lingkungan 40 hingga 60 tahun ke atas.

Katanya, mangsa selalunya terdiri daripada warga emas, pesara, kakitangan awam dan lain-lain yang terpedaya melalui panggilan telefon dan khidmat pesanan ringkas yang dibuat sindiket.

"Anggota *Macau Scam* pula sering menyamar sebagai kakitangan Jabatan Audit Negara, polis dan kakitangan pejabat pos yang mengarahkan mangsa me-



**POLIS** sentiasa menjalankan operasi bagi membanteras kegiatan *Macau Scam*. - Gambar hiasan

lakukan pemindahan wang," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Ahmad Azizul, modus operandi sindiket ialah memaklumkan mangsa terlibat dalam jenayah pengubahan

wang haram, tipu dan dadah.

"Laporan mengenai *Macau Scam* diterima setiap hari. Oleh itu, saya minta agar orang ramai berhati-hati dan jangan terus percaya jika mendapat panggilan mencurigakan," katanya.